

Penyelidikan***SUMBANGAN SYEIKH TUAN MINAL DALAM KARIATIF TAMADUN ISLAM TERHADAP MASYARAKAT ISLAM DI SELATAN THAILAND****Awae Maeh-ouma*^{*}*Abdullah Bin Yusuf Kareena*^{**}**ABSTRAK**

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincang sumbangan Sheikh Tuan Minal dalam kariatif tamadun Islam terhadap masyarakat Islam di Selatan Thailand. Maklumat-maklumat berkaitan dikumpulkan dengan menggunakan daftar pencatatan, temubual, dan kepustakaan. Analisis data dengan kaedah analisis kualitatif dan analisis kritis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Syeikh Tuan Minal atau Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy adalah seorang tokoh ulama Patani yang disanjung tinggi oleh tuanguru dan masyarakat Islam umumnya. Jasa pengurbanan beliau merupakan sumbangan yang besar terhadap masyarakat Islam di Selatan Thailand dalam bidang kariatif di antara lain ialah berkaitan dengan Aqidah atau Tauhid, Fiqh, Hadith, Tasawwuf dan Kesihatan. Kariatif berkenaan dii'tiraf oleh masyarakat Islam serta dihayati kandugannya hingga ke hari ini terutama dalam membena aqidah dan amal ibadah.

Kata Kunci: Tamadun Islam, Syeikh Tuan Minal, Selatan Thailand

^{*} Calon Doktor Falsafah (Ph.D) bidang pengajian Islam (jurusan Aqidah), Jabatan Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand. E-mail : g 5520430017 @ pattani.psu.ac.th.

^{**} Adalah Prof. Madya Dr. Pengajian Islam (al-Qur'an dan Hadith), Penyelia Tesis, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand. E-mail : kabdulla @ bunga. pn.psu.ac.th.

บทความวิจัย**การมีส่วนร่วมของเขตตนมีนาลในอารยธรรมอิสลามที่มีต่อสังคมอิสลาม
ในภาคใต้ของประเทศไทย**

อาแว แม่ะอูมา*

อับดุลเลาะ การ์รีนา**

บทคัดย่อ

การวิจัยในครั้งนี้มีวัตถุประสงค์ของการมีส่วนร่วมของ Sheikh Tuan Minal ในอารยธรรมอิสลามที่มีต่อสังคมมุสลิมในภาคใต้ของประเทศไทย ข้อมูลที่เกี่ยวข้องได้ทำการรวบรวมโดยใช้รายการบันทึกการสัมภาษณ์และเอกสารอ้างอิง การวิเคราะห์ข้อมูลด้วยวิธีวิเคราะห์เชิงคุณภาพและการวิเคราะห์เชิงวิพากษ์ ผลการวิจัยพบว่า Shaykh Tuan Minal หรือ Shaykh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy เป็นนักวิชาการชาวปัตตานีที่ได้รับการยอมรับอย่างสูงจาก tuanguru และชุมชนมุสลิมทั่วไป บทบาทของเขาเป็นส่วนสำคัญของชุมชนมุสลิมในภาคใต้ของประเทศไทยในด้านหลักสูตรรวมถึงเรื่อง Aqidah หรือ Tawhid, Fiqh, Hadith, Tasawwuf and Health ความคิดเห็นของท่านเป็นที่ยอมรับในสังคมมุสลิมและให้ความสนใจในด้าน aqidah และการปฏิบัติ

คำสำคัญ: อารยธรรมอิสลาม, เขตตนมีนาล, ภาคใต้ของประเทศไทย

* Calon Doktor Falsafah (Ph.D) bidang pengajian Islam (jurusan Aqidah), Jabatan Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand. E-mail : g 5520430017 @ pattani.psu.ac.th.

** Adalah Prof. Madya Dr. Pengajian Islam (al-Qur'an dan Hadith), Penyelia Tesis, Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani, Thailand. E-mail : kabdulla @ bunga. pn.psu.ac.th.

RESEARCH

CONTRIBUTION OF SYEIKH TUAN MINAL IN THE CREATIVE ISLAMIC CIVILIZATION ON ISLAMIC SOCIETY IN SOUTH THAILAND*Awae Maeh-Ouma^{*}**Abdullah Karina^{**}***Abstract**

This paper aims to discuss the contribution of Syeikh Tuan Minal in the creative Islamic civilization on Islamic Society in South Thailand. The related sources are collected using accounts, story and library. It uses qualitative analysis and criticism. The result shows that Syeikh Tuan Minal or Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy is the one of Patani Scholars achieving great complement and praises from other scholars and general public. His activities are of great contribution to Muslim in Patani in intelektual such as Aqidah or Tauhid, Fiqh, Hadith, Tasawuf and Health. The works has been absorbed and still actualized in daily life until present day especially in terms of faith and worship.

Keywords: Islamic civilization, Syeikh Tuan Minal, South Thailand.

^{*} Doctorial Candidate Islamic Studies. College of Islamic Studies Prince of Songkhla University, Pattani Campus.

^{**} Associate Professor. Dr. (Islamic Studies) Thesis Advisor, Islamic Studies. College of Islamic Studies Prince of Songkhla University, Pattani Campus.

Pendahuluan

Patani adalah di antara pusat tamadun Islam dan merupakan sebagai pusat kegiatan sasterawan Melayu berunsur Islam terbilang di Nusantara. Patani di kenali sebagai nageri Melayu yang banyak melahirkan para ulama'. Bilangan mereka amat ramai jika dihitung sejak dari awal sehingga sekarang dan ramai dari kalangan mereka yang dikenali di Asia Tenggara. Kemasyhuran mereka itu kerana banyak menghasilkan kitab-kitab keagamaan dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Arab. Di antara ulama' yang terkenal di Alam Melayu ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy atau Syeikh Tuan Minal.

Kajian ini menumpukan karya-karya dalam berbagai bidang ilmu Islam dalam pembangunan tamadun Islam di Alam Melayu. Dengan kebolehan amat tinggi dalam ilmu Islam menyebabkan beliau dianggap sebagai tokoh ulama' yang kariatif dalam usaha memberi sumbangan kepada tamadun Islam dan pembangunan masyarakat Islam di selatan Thailand. Tujuannya ialah untuk mengenalpasti latar belakang Syeikh Tuan Minal dan sumbangannya dalam bidang kariatif terhadap tamadun Islam di Alam Melayu.

Latar Belakang Syeikh Tuan Minal

Nama penuh beliau ialah Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad bin Muhammad Dahhan bin Syeikh Wan Syamsuddin bin Syeikh Ja'far yang dikenali dengan Syeikh Tuan Minal (Ahmad Fathy, h:64). Setakat ini masih banyak maklumat tentang Syeikh Tuan Minal yang belum diketemui. Sebagai contoh, tarikh lahir dan kematian beliau. Selain daripada itu, maklumat mengenai keluarga ibunya juga tidak diperolehi.

Syeikh Tuan Minal dilahirkan di sebuah kampung yang bernama Bendang Badang di sekitar antara tahun 1820–1910 M (: Ahmad Fathy h. 65). Ada pendapat mengatakan berasal dari kampung Anakru Bandar Pattani (Wan Muhammad Saghir, 1989–1995). Ada juga yang mengatakan beliau lahir di Kota Mekah pada tahun 1830 M (Abdul Nasir Ahmad Manaha, h.141). Dan Ada yang mengatakan berasal dari kampung Kerisik.

Mengikut kajian didapati bahawa keturunan Syeikh Tuan Minal berasalnya daripada keluarga Syeikh Ja'far dengan Wan Jamilah al-Syandaniah begitu juga dengan keturunan Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy.

Walau bagaimanapun, bukti yang nyata tentang kelahiran Syeikh Tuan Minal belum dapat dipastikan tetapi boleh mengatakan bahawa Syeikh Tuan Minal dilahirkan pada awal qurun ke 19 M. Beliau adalah berasal dari kampung Kerisik walaupun ada pendapat yang mengatakan beliau berasal dari kampung Bendang Badang, atau kampung Anakru, atau Kota Mekah. Tuan Guru Haji Yusuf al-Bandariy sebagai cicik kepada Syeikh Tuan Minal melalui selidikan keturunan daripada anak cucu beliau yang berada di Patani Thailand dan di Pulau Pinang Malaysia (Haji Yusuf bin Haji Mustafa, h.1).

Pengkaji juga dapat maklumat dari cicik Syeikh Tuan Minal yang berada di kampung Permatang Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang menegaskan bahawa benar Tuan Guru Haji Yusuf al-Bandariy telah buat selidikan mengenai keturunan Syeikh Tuan Minal.

Syeikh Tuan Minal mempunyai tiga orang isteri iaitu yang pertama ialah Hajah Maryam (ada yang mengatakan namanya Hawa'), yang kedua ialah Fatimah, di mana kedua ini adalah menjadi sepupu yang berasal dari Patani, adapun yang ketiga belum pasti namanya dengan jelas, tetapi ia adalah dari Johor Malaysia (Ahmad Fathy Al-Fatani, h.74 & Haji Yusuf bin Haji Mustafa, h.3). Dari tiga orang isteri tersebut Syeikh Tuan Minal mempunyai tujuh orang anak iaitu Haji Hasan (Wak Hasan), Hajah Aisah (Tok Ngah), Hajah Fatimah (Tok Fatimah), Haji Husin (Pak lang), Haji Dawud (Pa'cu). Kelima orang anak ini dari isterinya Hajah Maryam, manakalan Haji Muhammad Saleh dan Haji Omar (Pa'da) dari dua orang isterinya, tetapi belum jelas anaknya dari siapa.

Syeikh Tuan Minal mendapat didikan dari ayahnya sendiri di Patani, di pondok Bendang Daya, dan di Mekah. Di antara guru-guru beliau ialah: Syeikh Wan Mustafa bin Muammad al-Fataniy (Tok Bendang Daya yang pertama), Syeikh Abdul Rasyid al-Fataniy (Tok Keramat Pulau Bidang). Syeikh Muhammad Taiyib bin Mas'ud al-Banjariy Kedah, Syeikh Wan Ali bin Ishak al-Fataniy dan lain-lain. Beliau juga mempunyai murid-murid yang ramai di antara mereka ialah Syeikh Wan Muhammad bin Wan Idris al-Fataniy (Tok Syeikh Jarum), Syeikh Muhammad Sa'id bin Syeikh Jamaludin Linggai negeri Sembilan, Haji Abdullah bin Sulaiman (Datok Segedung ilmu) Bajak Kelantan, Haji Isma'il bin Mustafa (Datok Cikdol) Kedah dan lain-lainnya.

Beliau dianggap sebagai ulama' Patani yang mempunyai pandangan yang luas dan pendirian yang teguh. Setatus beliau hampir sebanding dengan Syeikh Dawud al-Fataniy, Syeikh Nik Mat Kecil al-Fataniy, Syeikh Ahmad al-Fataniy. Kealiman dan ketokohan beliau dapat dibuktikan di antara lain ialah kitab "Kasypul Litham an Asilatil Anam" ditulis dalam bahasa Melayu Jawi – Bahasa Ibunda, Fatwa-fatwa berkaitan dengan rokok, fidyah salat dan puasa dalam mazhab, ilmu Usuludin dan Tasawuf (Wan Muhammad Saghir, h.93-94). Demikian juga gelaran-gelaran; "al-'Alim al-'Allamah al-Mudaqqiq al-Fahhamah Sirajul Islam wad Din", atau "al-'Alim al-'Allamah al-Tahrir al-Fahhamah", dan "al-'Alim al-Fadhil wal Hibrul Kamil" (Wan Muhammad Saghir, h.23-24).

Syeikh Tuan Minal meninggal dunia di Makah al-Mukaramah, setelah berapa lama beliau menetapkan di kampung Sungai Dua, Seberang Perai, Pulau Pinang, Malaysia¹.

¹ Lihat: Haji Yusuf bin Haji Mustafa, *Sejarah dan Silsilah Keturunan Tuan Minal (Syeikh Zainal Abidin bin Ahmad)*, Bandar-Pattani: keluaran kali pertama, h. 1.

Sumbangan Syeikh Tuan Minal Dalam Kariatif

Syeikh Tuan Minal dapat menghasilkan kitab-kitab karangan yang masyhur seperti berikut:

1. *Kitab Kasyful Litham 'an As-ilatil Anam*

Kerangka kitab terdiri muqaddimah, bab, fasal, furu' dan masalah. Kandungannya dibahagikan kepada empat bahagian iaitu ibadat, mu'amalat (jual beli), munakahat (perkahwinan) dan jinayat (hukum bunuhan). Keseluruhan bahagian berkenaan itu adalah seperti berikut:

Pada juzuk pertama Syeikh Tuan Minal menjelaskan mengenai ibadat dan mu'amalat yang mengandungi perbincangan tentang taharah (bersuci), hukum sembahyang, hukum orang mati, hukum zakat, hukum puasa, hukum iktikaf, hukum haji dan umrah, udhhiah, makanan yang halal dan yang haram, hukum berburu dan sembelih, jual beli, jual salam, hukum gadai menggadai, hukum muflis (bankrap), hukum bersekutu, berwakil, iqrar (pengakuan), hukum 'ariyah (pinjam meminjam), merampas, syufa'ah (memberi pertolongan), upah jirus kebun, hukum wakaf, hukum hibah (beri), hukum luqatah (pungutan), ji'alah (mengembali) dan kiriman.

Pada juzuk kedua beliau menerangkan tentang munakahat dan jinayah. Bahagian ini membingcangkan tentang pembahagian pusaka, wasiyat, pembahagian harta fai' dan ghanimah (harta yang dapat dalam peperangan), pembahagian zakat kepada orang yang berhak, hukum nikah, isi kahwin, qasam (bersumpah) dan nusyur (derhaka), tolak, hukum rujuk, hukum ila', zihar, kifarat, li'aan, segala 'iddah, hukum menyusu, nafkah. Bahagian ini juga menyatakan jinayah, qisas (bunuh balas), diat, bughah (zalim), murtad, zina, hukum qazaf (tuduhan), hukum mencuri, minum arak dan takzir (denda), hukum perang sabil, hukum jizyah (cukai), hukum hadnah (perjanjian), hukum berlumba, hukum bersumpah, menyatakan kifarat, nazar, kitab pada menyatakan qadhi, membahagi harta yang bersekutu, dakwa dan baiyinah (bukti keterangan) dan diakhiri dengan menyatakan i'itaq (merdeka) (Tuan Minal, Zainal 'Abidin, h.482-486).

Setelah Syeikh Tuan Minal selesai ucapan dalam muqadimah bahagian kandungan, beliau mulakan dengan kitab taharah seperti kitab Furu' al-Masail bagi Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy, tetapi Syeikh Dawud memulakan kitab beliau dengan ilmu Usuluddin.

2. *Kitab Aqidah al-Najin fi ilmi Usuluddin*

Kitab Aqidah al-Najin fi ilmi Usuluddin adalah sebuah kitab yang boleh dikategorikan sebagai kitab muktabar dalam bidang tauhid khususnya di Nusantara. Kepentingan kitab 'Aqidah al-Najin dan kedudukan sebenarnya mempunyai kaitan yang rapat dengan kedudukan dan reputasi teks induknya iaitu Kitab Ummu al-Barahin di Nusantara (Wan Suhaimi Wan Abdullah, h.3).

Kitab Aqidah al-Najin bagi Syeikh Zainal Abidin merupakan sebuah kitab aqidah yang tinggi nilainya dipelajari di pondok-pondok selepas kitab Bakurah karangan Pak Da'il al-Fataniy, Faridah al-Fara'id karangan Syeikh Ahmad Zin al-Fataniy. Kebiasaannya akan dipelajari kitab Aqidah al-Najin terlebih dahulu, kemudian diikuti pula dengan kitab Durus Thamin bagi Syeikh Dawud bin Abdullah

al-Fataniy (Wan Suhaimi Wan Abdullah, h.79). Kitab Aqidah al-Najin juga menjadi buku teks utama oleh masyarakat Islam Selatan Thailand kerana kitab Aqidah al-Najin membicarakan ilmu aqidah Islam yang wajib setiap orang mempelajarinya.

Antara isi kandungannya adalah mengenal ilmu usuluddin dalam syariat Islam, hukum mengucap basmalah, hukum akal dan pembahagiannya, dasar-dasar ilmu tauhid, pengertian wajib, mustahil dan jaiz (harus), wajib atas ibu bapa mengajar anak-anak mengenal Allah, mukallaf dan pengertiannya, awal-awal perkara yang wajib atas mukallaf lakukan, beriman kepada Allah, sifat dua puluh yang wajib dikenali, penerangan sifat-sifat Nafsiah dan Salbiah bagi Allah.

Kitab Aqidah al-Najin juga membicarakan tentang sifat yang mustahil bagi Allah dan sifat yang harus bagi Allah. Dalil-dalil terhadap semua sifat tersebut dan membicarakan tentang ayat-ayat al-Quran yang kesamaran, pandangan Salaf dan Khalaf terhadap ayat-ayat al-Quran yang kesamaran, sifat fe'il (mengadakan suatu perkara) bagi Allah, dalil tentang wujud Allah.

Kitab Aqidah al-Najin juga membicarakan tentang beriman kepada para Rasul, para Nabi dan Rasul yang disebut dalam al-Quran, sifat yang wajib, yang mustahil dan yang harus bagi Rasul, dan segala mukjizat para Rasul. Terkandung juga di dalamnya kelebihan ulama' dan mereka yang belajar ilmu agama, pengertian dua kalimah Syahadah dan kelebihanannya. Membicarakan tentang beriman kepada para Malaikat, sifat Malaikat, nama dan tugasnya. Beriman kepada kitab-kitab Allah, bilangan dan nama kitab yang disebut dalam al-Quran, serta ber'amal isi kandungannya. Perihal untuk mengenali dunia dan yang berkaitan dengan hari akhirat, tanda-tanda kiamat, azab kubur, menerima surat amalan seorang, memberi syafa'at, titi sirat, Haud Nabi, Arasy, Kursi, Qalam, Syurga dan Neraka. Membicarakan tentang Iman dan Islam, akhlak-akhlak yang mulia seperti: Zahid, Tawakal, malu, berpuas hati dengan apa yang dikurniakan Allah, merendah diri, bersyukur dan ridha. Begitu juga akhlak-akhlak yang tidak baik seperti: mencela, tuduh, upat, dusta, darhaka kepada dua ibu bapa, riya', sumbong, dengki dan berbantah.

Pada Akhir kitab 'Aqidah al-Najin membicarakan tentang Tasawuf, pengertian dan faedah Tasawuf, persiapan bekalan untuk menemui Allah seperti Takwa, Salat, Zakat, Haji, Zikir, Ta'at, Istighfar, Sabar, Tawakal, Zahid dan Syukur dengan nikmat Allah.

3. Kitab Kasyf al-Ghaibiat

Kitab Kasyfu al-Ghaibiyat merupakan sebuah kitab hadith yang membicarakan tentang perkara ghaib, kitab ini mengandungi 10 bab iatu: bab pada menyatakan kejadian ruh nabi Muhammad, kejadian nabi Adam, kejadian segala Malaikat dan Malikil Maut, menyatakan ahwal Malikil Maut betapa mengambil nyawa, menyatakan ahwal kubur dan Malaikat yang masuk akan kubur, menyatakan ruh kemudian daripada keluar daripada badan datang pada kubur, menyatakan alamat kiamat dan barang yang bergantung dengan dia, menyatakan ahwal kiamat, menyatakan sifat Neraka dan ahlinya, dan yang terakhirnya menyatakan sifat Syurga dan ahlinya.

4. *Kitab Irsyad al-Ibad ila Sabil al-Rasyad*

Kitab Irsyad al-Ibad ila Sabil al-Rasyad merupakan sebuah kitab berbentuk risalah kecil yang mengandung 20 halaman. Risalah ini ditulis oleh Syekh Tuan Minal atau Syekh Zainul Abidin dengan harapan dapat membimbing orang-orang beriman kejalan yang benar, ialah jalan Ahlis Sunnah wal Jama'ah yang selama ini mengikuti jejak langkah nabi Muhammad s.a.w dan keempat-empat orang khalifah al-Rasyidin dan jalan yang bersih daripada sebarang bid'ah dalam kehidupan sehari-hari. Karya ini membicarakan tentang ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf.

5. *Kitab Miftahul Murid fi Ilmi Tauhid*

Kitab Miftahul Murid fi Ilmi Tauhid dihasilkan dengan tujuan pertama menulis buku tersebut adalah untuk memperkenalkan masyarakat Melayu Islam Patani kepada ilmu Tauhid, terutamanya sifat dua puluh. Manakala sifat-sifat Rasul beliau menyebut seperti Sidik, Amanah dan Tabligh. Kitab ini mengadungi 16 halaman dan merupakan bantuan terhadap karia dua orang penulis iaitu anak kepada Syekh Tuan Minal yang bernama Syekh Omar yang menulis tentang sebab-sebab kemurtadan, dan Haji Ahmad Melaka yang menggubah hasil karyanya dalam bentuk sya'ir Melayu.

6. *Kitab Tabasamul Syaribin*

Kitab Tabasamul Syaribin manfa'at bagi 'Awam al-Mulimin, merupakan sebuah kitab yang ada hubungkait dengan kesihatan, kerana risalah ini membincangkan tentang rokok yang boleh megangukan kesihatan. Walaupun perbincangannya ini untuk rad serta memberi pandangan yang berlainan dari pada Saiyid Ahmad bin Muhammad bin Husin al-'Idarus (Tok Ku Melaka) yang mengharamkan menghisap rokok secara mutlak.

Selain dari kitab-kitab tersebut ada juga bagi Syekh Tuan Minal beberapa manuskrip, antaranya ialah Risalah sembahyang Juma'at, yang tersimpan di Markaz Manuskrip Melayu, Maktabah Kebangsaan Malaysia, nombor MS 111, dan Tahqiq al-Kalam yang tersipan di Markaz Makhtutat Melayu, Maktabah Kebangsaan Malaysia, nombor 167 MS (Adnan Suemae, h.162).

Sumbangan ulama' yang paling ketara dalam usaha membina tamadun Islam Patani ialah melalui peranan mereka dalam menghasilkan kitab-kitab agama dalam bahasa Melayu dan Arab. Peranan mereka ini sangat besar maknanya dalam memantapkan pemahaman masyarakat Islam di Patani serta membina budaya ilmu dan pemikiran Islam (Abdullah Hayee Said, h.114). Penggunaan bahasa Malayu berkembang dengan pesat sebagai bahasa ibunda dan menggambarkan keunggulan karya-karya ulama' Patani yang produktif dalam penulisan kitab Islam. Sumbangan ulama' Fatani sangat berjasa dalam dunia persuratan Melayu di Asia Tenggara.

Kesimpulan

Syeikh Tuan Minal ialah salah seorang ulama' Fatani dilahirkan di kampong Kerisik, Muang Patani dari keturunan ulama' Fatani. Beliau mendapat didikan di Fatani, Pulau Pinang dan Makah dan menimba ilmu agama dari beberapa orang alim. Beliau juga dapat menyumbangkan hasil karya ilmiah kepada bidang ilmu agama dan masyarakat Islam di rantau ini.

Syeikh Tuan Minal telah menggunakan masa hidupnya untuk menyebarkan kebenaran dan berkhidmat kepada Islam sama ada di Patani maupun di Malaysia. Beliau meninggal dunia di Makah al-Mukaramah setelah berapa lama beliau menetap di Pulau Pinang mengikut catatan Haji Yusuf al-Bandariy. Beliau juga dapat menghasilkan karya ilmiah dalam 5 bidang iaitu Hadith, Aqidah, Fiqh, Tasawuf dan Kesihatan. Semua karya beliau dapat dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Patani dan Nusantara secara luas-luasan dan merupakan sumbangan kepada khazanah ilmu di Alam Melayu.

Bahan Rujukan

- Ahmad Fathy Al-Fatani. 1430–2009. *Ulama' Besar dari Patani*, citakan pertama (idisi kedua). Kota Bharu Kelantan: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ahmad Fathy Al-Fatani. 1419H. *Beberapa catatan tentang Tuan Minal*. Pengasuh, Zul Qa'idah–Zul Hijjah 1419 H. (March–April 1999 M.), bilangan 557.
- Haji Yusuf bin Haji Mustafa. 1991. *Sejarah dan Sillilah Keturunan Tuan Minal (Syekh Zainal Abidin bin Ahmad)*. Bandar Pattani.
- Mahmud Syakir. 1380. *Fatani*. Jaddah: al-Dar al-Saudiah.
- Tuan Minal, Zainal 'Abidin bin Muhammad al-Fataniy. n.d. *Kasyful Litham an Asilatil Anam*. Pattani Thailand: Matba'ah Halabi.
- Wan Muhammad Saghir. n.d. *Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fataniy Penyusun Kitab Kasyful Litham tentang cabang Fiqh terlengkap Mazhab Syafi'iy di Dunia Melayu*". Majlah Diwan Budaya, Dakwah, al-Islam dan Kiblat 1989–1995.
- Wan Muhammad Saghir. 1999. *Silsalah ulama' sejagat dunia Melayu*. Penyebaran Islam Kuala Lumpur: Khazanah Fataniah, 1999.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah. 2001. *Nadwah ulama' Nusantara, Peranan dan sumbangan ulama' Patani, Syekh Zainal Abidin bin Muhammad al-Patani*. Universiti Prince of Songkhla, Thailand.

Tesis

- Abdullah Hayee Said. **Gerakan Islam di Patani (1970–1990): kajian sejarah perkembangan dan pemikirannya**. Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sastera, University Sains Malaysia, 2002.
- Abdul Nasir Ahmad Manaha, **al-Dakwah al-Islamiah fi Thailand wa Juhudu al-Muslimin fi Sabiliha khilal al-Qurni al-Isyirin al-Miladi**, Tesis Sarjana Islamic Study Tarabulus University, 1998.
- Adnan Suemae, Syekh Wan Ahmad bin Muhammad Zin al-Fataniy. **wa Juhuduhu fi al-Lughah al-Arabiah**, Tesis Doktorah University Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Ahamakosee Kasor. **Sumbangan Syekh Zainal Abidin bin Muhamad al-Patani (1820–1913) di Selatan Thailand: kajian terhadap kitab 'Aqidah al-Najin dan Kasyful Litham**. Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah, University Sains Malaysia, 2013.

Peribadi Temu bual

- Haji Abdul Aziz bin Muhammad, temu bual pada 10 December 2013.